

Newspaper	Berita Harian
Date	9 July 2015

PROTON LANCAR 3 MODEL DIPERTINGKAT TAHUN DEPAN

» Saga, Persona, Perdana generasi baharu dapat kerjasama Honda

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

PROTON Holdings Bhd mempertaruhkan tiga model generasi baharu yang akan dilancarkan tahun depan, sekali gus meningkatkan pilihan rakyat Malaysia untuk memiliki kereta keluaran tempatan.

Pengerusinya, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pengeluaran kereta nasional itu akan memperkenalkan model Saga, Persona dan Perdana serba baharu yang dilengkapi pelbagai fungsi elektronik berseuaian dengan gaya masa kini.

"PROTON akan melancarkan model dipertingkatkan secara berperingkat mulai Januari tahun depan dengan reka bentuk, teknologi baharu serta aspek keselamatan tinggi dalam usaha meningkatkan keupayaan jenama PROTON," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media pada majlis terbuka puasa dan peancarkan logo Ulang Tahun Ke-30 PROTON di Subang Jaya, semalam.

Yang hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif PROTON, Datuk

Abdul Harith Abdullah.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, pengenalan model Saga, Persona dan Perdana serba baharu itu akan mendapat kerjasama daripada Honda menerusi penggunaan platform jenama terkemuka dari Jepun itu.

"Dalam industri automotif, konsep pinjam meminjam adalah perkara biasa dan kali ini kita akan bekerjasama dengan Honda yang berkaitan komponen tertentu untuk membangun dan memperkenalkan tiga model serba baharu ini katanya.

Keluar model kompak

Mengenai kerjasama dengan Suzuki, beliau berkata, PROTON merancang untuk mengeluarkan model kompak dengan rekaan baharu dengan perancangan rapi bermula tahun depan.

"PROTON akan mereka sendiri model kompak ini menggunakan platform dan kepakaran, namun kita akan menggunakan kepakaran mereka dari segi rangkaian kuasa yang turut merangkumi enjin dan transmisi," katanya.

Sementara itu, PROTON meraikan ulang tahun ke-30

dalam industri automotif tempatan dengan menawarkan pelbagai tawaran penjimatan kepada pelanggan baharu dan sediaada model PROTON.

Abdul Harith, berkata 2015 adalah tahun istimewa yang penuh bermakna sebagai pengeluaran kereta nasional yang menyumbang kepada pembangunan komuniti dan negara.

"PROTON tidak hanya mengeluarkan kereta mampu milik. Sejak model Saga pertama dikeluarkan, ia membantu merancakkan ekonomi dan pembangunan pesat industri automotif negara," katanya.

Bagi meraikan ulang tahun ke-30, PROTON akan menawarkan rebat RM3,000 bagi pembelian semua model PROTON baharu bagi pelanggan yang berumur 30 tahun pada tahun ini.

Selain itu, di bawah program kesetiaan, syarikat itu turut menawarkan pakej tukar beli istimewa kepada pelanggan sedia ada iaitu rebat RM100 bagi setiap tahun berdasarkan usia kenderaan.

Mengulas mengenainya, Abdul Harith berkata, pelanggan PROTON perlu mengambil peluang yang ditawarkan syarikat itu terma-

suk tawaran harga bersih RM30,000 termasuk insurans dan cukai jaijan bagi model PROTON Saga.

Tawar faedah i.99peratus "Selain itu, promosi 30 tahun PROTON juga menawarkan pelanggan kadar faedah serendah 1.99 peratus setahun bagi model Saga dan Iriz, skim pinjaman penuh untuk kakitangan kerajaan, tawaran hebat kepada graduan dan pelajar institusi pengajian tinggi, serta kadar faedah rendah untuk lain-lain model PROTON," katanya.

Sementara itu, logo 30 tahun PROTON menampilkan format ringkas dengan kombinasi masa lampau dan masa depan dalam satu bulatan di mana ia sebagai hubungan yang saling berkait dalam industri automotif.

Abdul Harith berkata, logo ulang tahun ke-30 itu akan digunakan untuk semua aspek pengiklanan dan produk termasuk korporat, label yang dipaparkan di bilik pameran, jualan serta acara pemasaran.



Dr Mahathir dan Abdul Harith melancarkan logo Ulang Tahun Ke-30 PROTON di Subang Jaya, semalam. FOTO ROSLIN MAT TAHIR / BH